

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK KOH NAI KWONG
[ALOR GAJAH]
TARIKH : 6.11.2014 (KHAMIS)

DATUK KOH NAI KWONG [ALOR GAJAH] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan butiran berkenaan sistem subsidi baru untuk petrol dan diesel yang akan dilaksanakan pada hujung tahun ini sebagaimana yang diumumkan oleh Ketua Setiausaha Kementerian. Bagaimanakah pelaksanaan sistem ini akan memberi kesan kepada kehidupan orang ramai.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Dalam usaha memperbaiki kedudukan kewangan negara, kerajaan telah mengenal pasti beberapa langkah untuk dilaksanakan. Antara langkah tersebut adalah untuk merasionalisasikan subsidi petrol dan diesel.

Pada masa ini, kerajaan sedang mengkaji pelaksanaan subsidi petrol dan diesel bagi memastikan rakyat Malaysia yang benar-benar layak menerima bantuan kerajaan dapat terus menikmati subsidi petrol dan diesel.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**TARIKH : 6 NOVEMBER 2014
[KHAMIS]**

**DARIPADA : Y.B. IR. SHAHARUDDIN BIN ISMAIL
[KANGAR]**

SOALAN :-

Y.B. IR. SHAHARUDDIN BIN ISMAIL [KANGAR] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN** menyatakan :-

- (a) berapakah jumlah projek perumahan di dalam perancangan pemulihan akibat daripada kegagalan pemaju sebelumnya; dan
- (b) apakah denda dan tindakan yang dikenakan kepada pemaju dan kontraktor yang gagal menyiapkan projek perumahan mengikut tempoh masa yang ditetapkan.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dari tahun 2009 sehingga 31 Ogos 2014, sebanyak 212 projek perumahan swasta telah diisytiharkan terbengkalai di seluruh Semenanjung Malaysia. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 157 projek atau 74.2% telah berjaya disiapkan atau diselesaikan oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Manakala sebanyak 25 projek atau 11.6% sedang dalam pelbagai peringkat pemulihan dan baki 30 projek atau 14.2% sedang dalam perancangan awal pemulihan.
- (b) Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 sedia ada tidak mempunyai peruntukan khas tindakan punitif terhadap pemaju yang gagal menyiapkan projek perumahan mengikut tempoh masa yang ditetapkan. Namun demikian, Pemaju akan

disenaraihitamkan oleh Jabatan Perumahan Negara (JPN) sekiranya projek perumahannya di bawah kategori sakit. Sehingga kini, sebanyak 173 pemaju telah disenaraihitamkan di bawah kategori projek sakit. Di samping itu, Bahagian Pemantauan Perumahan Swasta menjalankan pemantauan yang ketat terhadap projek perumahan yang bermasalah.

Selain itu, Perjanjian Jual dan Beli di bawah Peraturan-Peraturan Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1989 mewajibkan pemaju perumahan membayar ganti rugi sebanyak 10% setahun dari harga beli kepada pembeli-pembeli rumah sekiranya gagal menyiapkan projek perumahan mengikut tempoh masa yang ditetapkan.

Walau bagaimanapun Kementerian ini telah membuat pindaan ke atas Akta 118 yang dijadualkan dikuatkuasa bersekali dengan Akta Pengurusan Strata pada awal 2015 di mana ada peruntukan baru bertujuan agar tindakan boleh dikenakan ke atas pemaju perumahan

atas kesalahan mengabaikan suatu pemajuan perumahan selama 6 bulan secara berterusan atau menyebabkan pemajuan perumahan terbengkalai.